

22/01/1998

Perjelas kedudukan ekonomi

Muhd Yusuf Abu Bakar

KOTA KINABALU, Rabu - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menggesa segenap lapisan pemimpin Umno supaya `turun' hingga ke peringkat akar umbi bagi menjelaskan kedudukan ekonomi negara kepada rakyat termasuk langkah pemulihan yang sedang dilaksanakan kerajaan.

Menurutnya, rakyat juga perlu diberi kefahaman dan penjelasan mengenai peranan mereka dalam menghadapi senario ekonomi negara ketika ini.

"Saya yakin potensi rakyat kita untuk bukan saja memahami (keadaan ekonomi ketika ini) tetapi juga potensi mereka untuk bekerja kuat," katanya dalam ucapan pada majlis berbuka puasa bersama Badan Perhubungan Umno Sabah di sini, malam ini.

Turut hadir Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah, Datuk Osu Sukam dan Timbalan Ketua Menteri Sabah, Datuk Abdul Ghapur Salleh.

Anwar yang tiba di Kota Kinabalu untuk lawatan dua hari berkata, keistimewaan Malaysia berbanding negara lain termasuk Korea Selatan ialah kejayaan pimpinan negara menangani masalah ekonomi yang timbul.

"Kerana itu kita perlu turun ke bawah untuk memastikan kita terus berjaya meyakinkan semua pihak mengenai keutuhan ekonomi negara di bawah kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Katanya, adalah penting segenap lapisan masyarakat memahami dalam keadaan sekarang, semua orang pasti mengalami sedikit kepayahan.

"Kalau kita ingin bebas dan merdeka kita mesti mengambil langkah perlu (bagi memastikan ekonomi negara terus berada di tahap baik dan mengembalikan keyakinan di kalangan pelabur asing)," katanya.

Menurutnya, keadaan ekonomi negara yang lebih meyakinkan sekarang berjaya menarik lebih banyak pelaburan asing ke negara ini.

Beliau berkata, kerajaan tidak lama lagi akan mengumumkan beberapa pelaburan besar yang menunjukkan keyakinan pelabur asing terhadap keadaan ekonomi negara sekarang.

(END)